

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : ISU

## Enggan masuk hospital sukarkan proses rawatan

**Kota Bharu:** Keengganan penduduk Orang Asli menghidap penyakit kulit bersisik mengikut nasihat doktor, termasuk ditahan di hospital untuk menerima rawatan menyukarkan proses menyembuhkan mereka.

Pengarah Jabatan Kesihatan Kelantan, Dr Zaini Hussin, berkata masalah penyakit kulit dihadapi kira-kira 150 penduduk Orang Asli itu disebabkan bakteria berikutan penjagaan kebersihan diri tidak memuaskan.

"Penyakit ini akan berlaku secara berterusan sekiranya penjagaan kebersihan diri tidak dititik beratkan. Itu faktor utama yang menyumbang kepada penyakit kulit bersisik.

"Jadi, saya minta penduduk

Orang Asli ikut nasihat dan saranan doktor, termasuk ditahan di hospital sekiranya mahu penyakit itu sembuh," katanya kepada pemberita ketika dihubungi semalam.

Kelmarin, media melaporkan sebahagian penduduk Orang Asli di Kuala Koh yang menghidap penyakit kulit bersisik terpaksa berpindah ke dalam hutan dan tepi sungai berikutan tidak tahan dengan cuaca panas.

### Nafi tak beri rawatan

Mereka mengambil keputusan untuk tinggal di dalam khemah yang dibina sendiri di tepi Sungai Pertam, Aring sejak minggu lalu.

Dr Zaini juga menafikan pihak-

nya tidak memberi rawatan kepada penduduk Orang Asli yang menghidap penyakit kulit bersisik sejak tiga bulan lalu.

Beliau menjelaskan, pihaknya mengadakan rawatan secara berkala pada setiap minggu menerusi Klinik Kesihatan Aring di Gua Musang.

"Ada beberapa penduduk dikenal pasti menghidap penyakit kulit bersisik agak serius. Kami menasihatkan mereka masuk wad di Hospital Gua Musang (HGM) untuk rawatan lanjut, namun mereka enggan.

"Hospital Orang Asli Gombak turut turun padang memberi rawatan kepada penduduk Orang Asli itu. Jadi, tidak timbul isu kita mengabaikan mereka," katanya



Keratan BH semalam.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : NASIONAL

**Sinar**  
**SIASAT** BERIKUT TUDUHAN

# PIL GUGUR JANIN RAGUT 5 NYAWA

Kesemua kes melibatkan pembelian produk yang mengandungi misoprostol melalui intra-vagina." - Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad dalam reaksi segera berhubung laporan *Sinar Siasat* mendedahkan lima kes kematian sudah dilaporkan akibat pengambilan ubat gugur kandungan yang telah diharamkan di Malaysia **7**



AKHBAR : SINAR HARIAN  
 MUKA SURAT : 7  
 RUANGAN : NASIONAL

# 5 kematian angkara pil gugur

**Menteri Kesihatan dedah bahaya pil durjana gugur janin**

WARTAWAN SINAR SIASAT

SHAH ALAM

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendedahkan sebanyak lima kes kematian dilaporkan berlaku angkara pil gugur bayi yang dijual secara haram dan berleluasa di laman sosial.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, empat kes kematian melibatkan pengguna pil dilaporkan berlaku pada tahun 2015, manakala satu kes lagi dicatatkan pada tahun 2017.

"Empat kes kematian akibat pendarahan selepas bersalin, manakala satu lagi kes melibat-

kan *amniotic fluid embolism* (air ketuban masuk dalam salur darah). Kesemua kes melibatkan pemberian produk yang mengandungi misoprostol melalui intra-vagina," katanya dalam satu kenyataan kepada *Sinar Siasat* di sini, semalam.

Katanya, selain itu, KKM turut merekodkan tiga kes lain yang diklasifikasikan sebagai mengancam nyawa wanita yang mengambil pil tersebut.

Tambah beliau, pada tahun lalu, KKM mengesan sebanyak 146 laman di internet yang menjual pil gugur janin.

"Bagi mengelakkan aktiviti penjualan dikedah-



DZULKEFLY

kan oleh Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, modus operandi yang digunakan bagi sindiket pil misoprostol adalah mengguna-

kan medium internet seperti blogspot, media sosial seperti Facebook, Instagram dan WhatsApp. Tidak ketinggalan platform-platform dalam talian seperti *Lelong.com*, *11street*, *Lazada*, *Shopee* dan banyak lagi.

"Penghantaran pil misoprostol kepada pembeli pula dihantar terus menggunakan perkhidmatan pos dan kurier," katanya.

Menurut Dzulkefly, sejak tahun 2017, sebanyak 10 serbuan telah berjaya dilakukan melibatkan penjualan misoprostol dengan 17 item telah dirampas bernilai RM85,513.

Katanya, kebanyakan ubat ber-

**Sinar SIASAT**

kenaan diimport oleh penyeludup haram dari luar negara terutamanya India

dan China.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah berkata, data yang direkodkan dari awal tahun hingga 15 April lalu merekodkan sebanyak 18 laman yang menjual cytotec dikenal pasti dan disiasat.

Menurutnya, sebahagian besar akaun penjual cytotec yang disiasat adalah daripada Facebook dan blogspot.

"Senarai ini diserahkan kepada agensi yang berkaitan seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk tindakan sekatan.

Menurutnya, pada tahun lalu, sebanyak 20 laman sosial yang dikesan menjual pil gugur telah disekat.

## Info pil gugur janin

**Pakej pil gugur ditawarkan penjual**

**Set A (RM350)**

8 biji cytotec

**Set B (RM600)**

1 mifepristone dan 8 cytotec

**Set MTP (RM450)**

1 set misoprostol dan 2 cytotec

### Kesan sampingan

- Kekajangan cirit berit, loya, muntah, sakit perut, ruam, pening kepala dan peningkatan pergecukan otot rahim.
- Risiko komplikasi seperti pendarahan teruk rahim terkoyak dan pengguguran tidak sempurna.

